



Kembara Sutera

2013.01

CRI
中国国际广播
China International Radio

Tembok Besar Lambang Bangsa China

Destinasi Pelancongan di Pinggir China

Sambutan Tahun Baharu Cina

Kampung Xidi, "Mimpi Yang Terlupa oleh Masyarakat Moden"





Wacana dari Tembok Besar

Pembaca yang budiman

Sedar tak sedar, kita sudah melangkah ke tahun 2013. Kembara Sutera (KS) juga sudah menemui saudara pembaca buat kali ketiga. Untuk dua keluaran terdahulu KS, kami mendapat maklum balas yang positif para pembaca. Kami amat gembira kerana dapat terus membantu saudara pembaca mengenali negara Tembok Besar ini secara umum. Apa yang kami paparkan di dalam KS merupakan siratan hati kami kepada sahabat kami di luar negara agar jangan ragu-ragu berkunjung ke sini.

Dalam keluaran sulung tahun baharu ini, kami masih meneruskan lambaian mesra sang naga melalui destinasi pelancongan lain yang mungkin belum pernah anda dengar atau kunjungi. Kali ini hayatilah ketenangan di Kampung Xidi. Kata orang, "tak kenal, maka tak cinta". Harapan kami, paparan tentang destinasi ini menjadi tarikan untuk anda melawat tempat berkenaan.

Saudara, Tahun Baharu Cina merupakan perayaan utama masyarakat Cina di seluruh dunia. Tapi kali ini, kami akan menyajikan tradisi sambutan ini yang belum pernah anda ketahui. Sama tapi tak serupa, itulah yang akan anda peroleh melalui rencana ini.

Sekali lagi, kepada pengembara tegar yang merancang melancong ke China, kami paparkan maklumat pelancongan yang merangkumi tiga kawasan yang terletak di arah mata angin berlainan negara ini. Semoga maklumat ini membantu saudara menyusun jadual perjalanan agar kembara anda lancar dan penuh kenangan manis.


Seperti biasa, KS menyasarkan pelbagai peringkat dan lapisan pembaca. Kepada mereka yang berminat mencuba juadah Cina, kami menyajikan sejenis juadah tradisi yang menjadi hidangan wajib semasa menyambut Pesta Tanglung.

Akhir sekali, Selamat Tahun Baharu 2013 dan Selamat Tahun Baharu Cina. Semoga tahun ini akan membawa kegembiraan kepada kita semua. 📷

张建堂
Awan



08



16



21



04



20

04

Tembok Besar, Lambang Bangsa China

08

Destinasi Pelancongan di Pinggir China

12

Kembara Muslim 2012

16

Kampung Xidi,

"Mimpi yang Terlupa oleh Masyarakat Moden"

18

Sambutan Tahun Baharu Cina

20

Yuan Xiao, Simbol Penyatuan Hati Sekeluarga

21

Masjid Shuishang Lanzhou

Penerbit:
Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:
An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:
Zhang Wenwen

Ketua Editor:
Wang Jin

Editor:
**Nelawati Ngadul
Zhang Wei Lin Ying**

Tempat Edaran:
Malaysia

Tarikh Terbit:
Januari, April, Julai, Oktober

Laman Sesawang:
<http://malay.cri.cn>

facebook:
www.facebook.com/crimalay

E-mel:
mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:
**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:
0086-10-68892073

08



Tembok Besar ***Lambang Bangsa China***

oleh: **Zhang Hong**

Sejak mula dibina, Tembok Besar telah menjadi saksi sejarah China. Banyak perang yang terkenal berlaku di sini; banyak kali pertukaran dinasti akibat kegagalan pertahanan di Tembok Besar; ramai tokoh sejarah yang diketahui umum kerana kerjaya mereka di Tembok Besar. Semua ini menjadikan Tembok Besar sekarang bukan hanya sekadar sebuah monumen sejarah, tetapi juga lambang bangsa China.



“Mereka yang tidak pernah mendaki Tembok Besar, bukanlah pahlawan!” Pepatah China ini cukup untuk menggambarkan betapa pentingnya Tembok Besar dalam kehidupan rakyat negara ini.

Tembok Besar merupakan projek pertahanan pada zaman purba China. Berjuta-juta orang pekerja mencurahkan tenaga malah mengorbankan nyawa mereka dalam membina binaan yang masyhur ini. Sejarah yang begitu lama dan projek yang begitu besar menjadikan Tembok Besar ini keajaiban dunia yang sama terkenal seperti Piramid di Mesir dan Taj Mahal di India.

Tembok Besar China mula dibina pada abad ke-9 Sebelum Masihi. Untuk menghalang pencerobohan kaum di bahagian utara, pemerintah di kawasan tengah China pada waktu itu telah membina tembok yang menyambungkan kubu-kubu pertahanan di garisan sempadan pelbagai negeri. Itulah Tembok Besar yang paling awal.

Ketika Zaman Negeri-negeri Berperang pada abad ke-4 Sebelum Masihi, perang terus berlaku antara pelbagai negeri. Untuk menghalang serangan dari negeri lain, negeri-negeri tersebut telah membina Tembok Besar masing-masing di kawasan pergunungan. Pada tahun 221 Sebelum Masihi, Maharaja Qinshihuang dari Negeri Qin telah menyatukan China setelah mengalahkan enam negeri lain. Baginda menyambungkan Tembok Besar yang dibina oleh pelbagai negeri sepanjang lebih lima ribu kilometer itu untuk menangkis serangan kaum nomad di padang rumput Mongolia di utara. Selepas Dinasti Qin, pemerintah kerajaan Dinasti Han telah memanjangkan Tembok Besar itu sehingga lebih 10 ribu kilometer.

Dalam masa selama lebih dua ribu tahun

yang lalu, pemerintah pelbagai dinasti di China, masing-masing telah membina Tembok Besar, hingga panjang keseluruhannya mencatat 50 ribu kilometer, lebih panjang daripada satu lingkaran bumi.

Contohnya pembinaan Tembok Besar pada Dinasti Ming (1368-1644), penggunaan batu dan bata mencatat lima ribu meter padu, manakala tanah sebanyak 150 juta meter padu. Jika diturap menjadi jalan yang selebar 10 meter dan setebal 35 sentimeter, panjangnya boleh mencapai dua kali lingkaran bumi! Projek Tembok Besar memang sungguh megah.

Jumlah pekerja yang membina Tembok Besar ini juga ramai sekali. Menurut catatan sejarah, selain 500 ribu orang askar, 1.5 juta orang pekerja juga dikerah dalam pembinaan Tembok Besar pada Dinasti Qin (221-206 Sebelum Masihi). Dalam buku sejarah Dinasti Sui (581-618 Masehi), juga banyak kali tercatat pengerahan pekerja seramai puluhan ribu orang hingga beberapa juta orang untuk membina Tembok Besar ini.

Tembok Besar yang dikenali umum oleh para pelancong sekarang adalah Tembok Besar yang dibina pada zaman Dinasti Ming (1368-1644 Masihi). Hujung barat tembok ini sampai ke Jiayuguan, provinsi Gansu di barat laut China, dan hujung timurnya hingga ke pinggir Sungai Yalujiang di provinsi Liaoning di timur laut China. Menurut hasil pengukuran terkini, panjangnya ialah 8851.8 kilometer.

Sebagai projek pertahanan ketenteraan, Tembok Besar dibina mengikut lereng gunung yang tinggi rendah dan merentasi padang pasir, padang rumput dan tanah paya. Tukang bina zaman purba China telah membina struktur yang berbeza-beza

berdasarkan keadaan muka bumi yang berbeza-beza itu dan ini telah menunjukkan kepakaran dan kebijaksanaan mereka.

Tembok Besar umumnya dibina pada lereng dan puncak gunung, di sebelahnya biasanya, ada lereng gunung terjal yang tegak lurus. Jadi, tentera musuh sukar untuk melancarkan serangan terhadap tentera yang bertahan di Tembok Besar.

Tembok Besar dibina dengan batu dan batu bata yang panjang, yang di tengahnya diisi dengan tanah atau ketulan batu. Tinggi Tembok Besar umumnya beberapa belas meter dan lebar bahagian atasnya kira-kira lima meter. Empat orang askar yang menunggang kuda dapat bergerak seiring di atasnya. Senjata dan bahan makanan dapat diangkut di atasnya. Askar boleh turun dan naik menerusi tangga dan pintu yang dibina di sebelah dalam tembok ini.

Banyak kubu pertahanan juga dibina di sepanjang Tembok Besar. Kubu pertahanan ini mempunyai banyak fungsi. Fungsi utamanya adalah melindungi askar sewaktu berperang. Selain itu, askar boleh berehat di sana, di samping senjata dan bahan makanan juga boleh disimpan di sana. Apabila musuh menyerang, tahi serigala dibakar di atas kubu pertahanan tersebut untuk menghasilkan asap sebagai isyarat bahaya.



Di sepanjang Tembok Besar ini, telah dibina banyak gerbang sebagai laluan di tempat-tempat penting, misalnya Gerbang Juyongguan di sebelah barat laut bandar Beijing dan Gerbang Shanhaiguan di hujung timur Tembok Besar, yang merupakan laluan penting untuk pergi ke timur laut China. Beberapa buah gerbang ini menjadi destinasi pelancongan yang terkenal pada masa ini. 🏰



Sewaktu melancong di bandar Beijing, pastikan anda memasukkan Tembok Besar bahagian Badaling ke dalam agenda lawatan anda. Lawatan sehari itu pasti akan meninggalkan kenangan manis kepada anda.

Tip Pelancongan

🚌 Terdapat bas persiaran khas yang beroperasi antara pusat bandar Beijing dengan Badaling. Anda boleh menaiki bas persiaran itu di Pusat Pelancong Qianmen. Perjalanan dari pusat bandar ke Badaling memerlukan masa lebih kurang dua jam. Anda juga boleh menaiki bas jarak jauh, seperti bas 919 di Hentian Deshengmen. 📍 RMB 35yuan(Okttober–April) / RMB 45yuan(Mei–September) ⌚ 6.30pagi–7.00petang(Okttober–April) / 7.00pagi–6.00petang(Mei–September)



Destinasi Pelancongan di Pinggir China

China merupakan sebuah negara yang amat luas wilayahnya. Tiga pinggir darat di negara ini, iaitu Dataran Tinggi Pamirs di pinggir barat; Pekan Mohe di pinggir utara; dan Suifenhe di pinggir timur, masing-masing membentangkan pemandangan yang jauh berbeza walaupun pada musim yang sama.



Kota Suifenhe

di Pinggir Timur



Kota Suifenhe terletak di tempat yang paling timur China. Kota ini bersempadan dengan Rusia di timur dan mendapat nama sempena Sungai Suifen yang airnya jernih dan mengalir deras melalui wilayah China, Rusia hingga ke Laut Jepun. Kota Suifenhe juga diberi banyak gelaran lain, misalnya “Kota Pergunungan” untuk menyerlahkan kota yang dibina di lereng Gunung

Changbai ini kelihatan diselubungi awan dan kabus tebal pada musim panas, dan “Kota Sempadan” kerana ia terletak di kawasan sempadan antara China dengan Rusia.

Memandangkan konflik bersenjata pernah berlaku antara China dengan bekas Kesatuan Soviet pada tahun 1969, apabila menyebut tentang kota di kawasan sempadan kedua-dua negara, pasti ramai yang terbayangkan kawasan ini penuh bahaya dengan bunker bawah tanah, turet senjata dan kemudahan ketenteraan lain untuk berperang. Namun, sekiranya anda menjejakkan kaki di kota ini, pokok-pokok yang subur menghijau, nyanyian burung-burung yang merdu, bunga-bunga mekar yang berwarna-warni, jalan-jalan kecil yang berkelu-liku dan air tasik yang mengalir dengan tenang memberi peluang kepada para pelancong untuk menghayati suasana yang aman dan harmoni.



Pekan Mohe

di Pinggir Utara

Kaunti Mohe mendapat jolokan “Balung Ayam Emas” dan “Kepala Swan” kerana lokasinya yang paling utara wilayah China. Peta China terbentang seperti seekor ayam atau swan. Kaunti ini berdepan dengan Sungai Heilongjiang yang mengalir dengan tenang, berlatarbelakangkan banjaran gunung Da Hinggan Ling yang menjulang tinggi dan berjiran dengan Rusia yang terletak di seberang Sungai Heilongjiang di utara. Kaunti Mohe juga dikenali sebagai “Kutub Utara China” kerana pada masa Solstis Musim Panas menurut kalender Cina, matahari di sini bersinar selama lebih 20 jam setiap hari yang dikenali sebagai gejala siang hari kutub (polar day), dan kadang-kadang kelihatan cahaya aurora berwarna-warni dan tampak penuh misteri di langit.

Pekan Mohe terletak di utara kaunti Mohe, sekali gus merupakan pekan yang lokasinya paling utara di China.

“Kampung Kutub Utara” ini berjiran dengan sebuah kampung, daerah Amurskaya Oblast Rusia yang dipisahkan oleh sebatang sungai. Lebar sungai yang hanya beberapa ratus meter ketika air sungai surut membolehkan kanak-kanak berenang hingga ke kedua-dua tebing sungai. Pada hari yang cerah, wajah warga emas Rusia yang sedang memancing ikan di pinggir seberang sungai juga jelas kelihatan. Tempat ini menjadi pilihan ramai pelancong untuk menghayati siang hari kutub dan menikmati cahaya aurora yang menakjubkan dan mempesonakan apabila tibanya Solstis Musim Panas.



Dataran Tinggi Pamirs

di Pinggir Barat

Dataran Tinggi Pamirs yang terletak di kawasan paling barat China dikenali juga sebagai “Bumbung Dunia”, kerana kawasan itu yang rata-ratanya terletak pada ketinggian 5,000 meter dari paras laut merupakan kawasan paling tinggi letaknya di dunia. Dataran tinggi ini terbentang di tenggara Asia Barat bersempadan dengan China, Tajikistan dan

Afghanistan.

Bentuk muka bumi Dataran Tinggi Pamirs tidak rata, sebaliknya terdiri daripada beberapa buah banjaran gunung dengan kemuncak tinggi, lembah gunung yang luas dan tanah pamah yang rendah.

Perjalanan menuju ke Dataran Tinggi Pamirs menerusi Jalan Sutera, sebuah rangkaian laluan perdagangan di seluruh benua Asia pada zaman purba, amat mencabar kerana perlu menempuh cabaran yang hebat dan misteri. Namun kini keadaan ini berubah secara drastik berikutan lebuhraya dibina untuk memudahkan perjalanan dari Kashgar, bandar utama di Lembah Tarim ke Tashkurgan di Dataran Tinggi Pamirs.

Dataran Tinggi Pamirs beriklim dataran tinggi yang tipikal sebagaimana yang selalu dinyanyikan dalam lagu rakyat tempatan: Jalan-jalan pergunungan tertutup oleh salji pada bulan Januari, Februari dan Mac, hujan turun dengan lebatnya pada bulan April, Mei dan Jun, maka masa yang sesuai untuk melancong adalah pada bulan Julai, Ogos dan September, manakala selepas bulan Oktober, November dan Disember, tahun yang baharu akan bermula.





Kembara Muslim 2012

"Kembara Muslim 2012" anjuran majalah Kembara Sutera, Radio Antarabangsa China (CRI) telah diadakan pada bulan September 2012. Empat orang wartawan Malaysia dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV Al-Hijrah, serta empat wartawan dari Indonesia telah mengikuti lawatan selama sembilan hari ini. Mereka telah melawat ke kota Xiamen (yang juga dikenali sebagai Amoi), Quanzhou, Xi'an dan Beijing untuk

menghayati budaya dan kehidupan masyarakat Islam yang istimewa di kota-kota tersebut. Kalau anda telah menonton program TV berkaitan aktiviti "Kembara Muslim" yang disiarkan melalui RTM dan Al-Hijrah, silalah menikmati sekali lagi gambar-gambar mengenai lawatan ini, di samping menghayati sisi lain yang menarik dalam lawatan wartawan asing bersama wartawan majalah Kembara Sutera kami.

1. Wartawan-wartawan yang mengikuti aktiviti "Kembara Muslim 2012" mengambil gambar beramai-ramai di hadapan Masjid Qingjing, kota Quanzhou.
2. Wartawan penyiaran TV Al-Hijrah, Cik Nadzirah dan jurukamera, Encik Fadli membuat penggambaran di kawasan makam suci di kota Quanzhou.
3. Imam Masjid Qingjing, Encik Ibrahim bin Yunus diwawancara oleh wartawan Jawa Post, Rukin (dua dari kanan) dan wartawan CRI, Shukun (kiri) dan Agustinus Wibowo.
4. Banyak yang dapat dipelajari di Balai Pameran Budaya Islam, Muzium Maritim Quanzhou.

5. Pengarah Bahagian Bahasa Melayu CRI, Puan Zhang Wenwen (@ Awan) diwawancara wartawan Malaysia.
6. Kitab-kitab suci tersedia di dewan solat Masjid Besar Xi'an.
7. Tertarik oleh penganut Islam tempatan membaca Al-Quran di dewan solat Masjid Besar Xi'an.
8. Wartawan TV Al-Hijrah mewawancara Ketua Muzium Maritim Quanzhou.
9. Persembahan boneka bertali.
10. Jurukamera RTM dan TV Al-Hijrah, Encik Mohd Mustapha (kanan) dan Encik Fadli tertarik oleh patung-patung boneka bertali.



1



2



3



4



5



6



7



8



9

1. Feri berhias ke Pulau Gulangyu.
2. Bagai dalam alam mimpi -Puncak Gunung Huashan berselindung di balik kabus.
3. Peminat makanan tidak putus-putus mengunjungi Jalan Makanan Ringan Halal Xi'an.
4. "Mengunci harapan" di gunung Huashan.
5. Beraneka jenis roti enak nampaknya dijual di gerai ini.
6. Wah! Seronoknya kalau dapat mandi laut!
7. Seronok betul dalam feri ke Pulau Gulangyu.
8. Patung Pahlawan Zheng Chenggong tersergam di Pulau Gulangyu, kota Xiamen.
9. CRI boleh! Gambar beramai-ramai wartawan Bahagian Bahasa Melayu dan Indonesia, Fadil, Melur, Shukun dan Heru (dari kiri ke kanan) di Gunung Huashan.



Kampung Xidi

"Mimpi Yang Terlupa oleh Masyarakat Moden"

oleh: **Wang Jin**

Terdapat pepatah China yang mengatakan: sekiranya ingin melihat bangunan istana diraja pada zaman purba, lawatilah Kota Larangan di Beijing! Sekiranya ingin melihat rumah orang biasa, datanglah ke Xidi!

Kawasan pelancongan Gunung Huangshan di provinsi Anhui merupakan tapak warisan budaya dunia, warisan alam semula jadi dunia dan taman geologi dunia. Di kaki gunung ini, terdapat sebuah kampung purba yang penuh misteri, dan telah menarik begitu ramai pelancong untuk melawat ke kawasan ini. Kampung ini ialah Kampung Xidi.

Kampung Xidi ini mempunyai sejarah hampir 1,000 tahun. Penduduk kampung ini merupakan keturunan Li Shimin, seorang maharaja Dinasti Tang. Mereka berhijrah ke kampung ini kerana perang saudara yang berlaku pada zaman itu. Pada zaman Dinasti Ming dan

Dinasti Qing pula, "Peniaga Huizhou" muncul di sini dan menjadi satu daripada empat golongan peniaga yang terkenal pada zaman kuno China. Setelah berniaga di tempat lain, mereka pulang ke kampung halaman mereka di sini, lalu membina banyak rumah yang cantik lagi mewah. Oleh sebab kampung ini terletak di kawasan pergunungan yang terpencil, dan jauh daripada peperangan, penduduk kampung ini mengamalkan cara hidup mereka yang asal, dan rumah mereka juga terpelihara dengan baik sehingga kini.

Di kampung Xidi, rumah yang paling "muda" pun mempunyai sejarah tiga hingga empat ratus tahun. Ada pelancong asing yang terkejut dengan sejarah kampung ini, kerana ia lebih lama berbanding dengan sejarah negara mereka.

Menurut ahli sejarah, orang Huizhou mengutamakan pemilihan warna sewaktu membina rumah mereka. Mereka berpendapat, di kawasan pergunungan yang menghijau ini, rumah dengan dinding putih serta atap hitam boleh menggambarkan suasana yang aman.

Pada bulan Disember 1999, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) telah menyenaraikan Kampung Xidi ini sebagai Tapak Warisan Dunia, kerana kampung ini mengekalkan wajahnya yang asal dengan baik. Semua kemudahan di kampung ini, seperti jalan, binaan purba, hiasan serta sistem bekalan air dianggap sebagai warisan budaya yang amat unik.

Ada pelancong yang pernah melawat kampung ini mengibaratkan kampung Xidi sebagai "mimpi yang terlupa oleh masyarakat moden", kerana ia jauh daripada kebisingan bandar dan memaparkan

kehidupan orang kampung yang asli dan murni.

Akhir-akhir ini, semakin banyak orang yang mengetahui tentang kampung ini, dan semakin banyak pelancong asing yang melawat ke sini. Menurut mereka, kastil atau rumah di negara mereka dibina dengan menggunakan batu, maka pasti boleh tegak tersergam selama beberapa ratus malah beberapa ribu tahun. Rumah di kampung ini dibina dengan menggunakan kayu, namun, selepas beratus-ratus tahun, rumah ini masih tetap terpelihara dengan baik. Ini merupakan perkara yang amat mengagumkan.

Terdapat pepatah China yang mengatakan: sekiranya ingin melihat bangunan istana diraja pada zaman purba, lawatilah Kota Larangan di Beijing! Sekiranya ingin melihat rumah orang biasa, datanglah ke Xidi!

Tip Pelancongan

Anda boleh pergi ke bandar Huangshan dahulu. Kemudian, menaiki bas dari Huangshan ke Kampung Xidi. Perjalanan ini hanya memerlukan masa satu jam. Anda juga boleh menaiki bas dari Kaunti Qian ke Kampung Hongcun dengan tambangnya RMB2 seorang. Perjalanan mengambil masa 15 minit. Anda dicadangkan tinggal di hotel yang dikendalikan oleh penduduk tempatan, bilik-biliknyanya bersih dan selesa, dan harganya rendah. Dengan cara ini, anda boleh menghayati kebudayaan dan kehidupan di Xidi secara langsung. Sewanya cuma 50 yuan sehari pada waktu biasa. Bubur La Ba merupakan juadah istimewa di Kampung Xidi. Bubur ini dibuat daripada beras, jagung, kacang, keledek, labu dan lain-lain.





Sambutan Tahun Baharu Cina


Sambutan Tahun Baharu Cina atau “Guo Nian” dalam bahasa Mandarin., disambut bermula dari hari ke-23 bulan ke-12 hingga hari ke-15 bulan pertama dalam kalendar Cina. Malah, di sesetengah kawasan di China, perayaan ini disambut bermula pada hari ke-8 bulan ke-12 dan berakhir pada penghujung bulan pertama tahun baharu. Namun, puncak sambutan adalah pada hari akhir tahun dan hari pertama tahun baharu berikutnya.

oleh: **Cao Jie**

Menurut sejarah, perayaan Tahun Baharu Cina mula dirayakan lebih 4,000 tahun yang lalu. Dalam kalangan rakyat, terdapat banyak asal usul tentang perayaan ini. Namun yang paling popular berkaitan Raja Shun yang mengetuai pegawai-pegawainya untuk menyembah langit dan bumi selepas menaiki takhta lebih 2,000 tahun yang lalu. Sejak itu, orang China menjadikan hari itu sebagai hari pertama dalam kalendar Cina. Tahun Baharu Cina juga dipanggil Yuandan pada zaman

purba selain disebut juga sebagai “Pesta Musim Bunga” yang melambangkan perpaduan, kemakmuran dan harapan besar terhadap masa depan.

Semasa menyambut perayaan ini, apa yang paling penting dan suasana yang paling meriah di China itu, adalah perhimpunan semua anggota keluarga untuk jamuan besar dan tradisi mengunjungi sanak saudara, selain pelbagai bentuk kegiatan yang diadakan di merata-rata tempat di China, termasuk adat resam yang hingga ke zaman sekarang.



Shousui

Pada malam hari terakhir sebelum Tahun Baharu Cina, selepas makan malam beramai-ramai, semua ahli keluarga berkumpul sepanjang malam untuk bersama-sama menunggu ketibaan tahun baharu. Tradisi ini yang disebut shousui bagi golongan tua bererti untuk menghargai usia yang ditempuhi, manakala bagi golongan muda adalah untuk mendoakan panjang umur ibu bapa.



Menempel Kuplet

Tradisi menempel kuplet sempena Tahun Baharu Cina bermula pada zaman Dinasti Song. Orang Cina suka menempel kertas merah yang ditulis Selamat Tahun Baharu atau harapan baik di kedua-dua belah daun pintu, atau menempel bermacam-macam lukisan tradisi yang melambangkan bahagia di daun pintu, jendela atau dinding, sebagai harapan kedatangan nasib yang baik pada tahun yang akan datang. Ini telah menjadi cara yang paling biasa untuk merayakan Tahun Baharu Cina di desa dan sebahagian bandar dan pekan.



Angpau

Pemberian angpau merupakan salah satu tradisi masyarakat Cina sejak zaman purba. Semasa mengucapkan “Selamat Tahun Baharu”, orang yang lebih tua akan memberikan angpau kepada orang muda yang belum berkahwin serta kanak-kanak. Ada juga ibu bapa yang meletakkan angpau di bawah bantal anak-anak mereka ketika anak mereka tidur nyenyak. Kononnya, angpau boleh menghalau hantu, oleh itu golongan muda yang mendapat angpau itu akan hidup dengan selamat dalam tahun yang akan datang. Angpau ada dua jenis, selain sampul kertas merah yang dimasukkan wang tunai yang sudah biasa kita lihat, ada juga angpau yang berbentuk

naga yang diikat dengan tali berwarna-warni, biasanya diletakkan di kaki katil.



Ucapan “Selamat Tahun Baharu”

Dalam perayaan yang paling meriah dan gembira di China ini, mengucapkan “Selamat Tahun Baharu” kepada orang lain merupakan amalan yang mesti dilakukan. Ia juga merupakan cara untuk menyampaikan salam dan harapan yang baik antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat China. Pada pagi hari pertama Tahun Baharu Cina, golongan muda perlu mengucapkan “Selamat Tahun Baharu” kepada orang tua terlebih dahulu dan mendoakan semoga mereka sihat dan bahagia selalu. Jika bertemu dengan teman-teman di luar juga, mereka akan saling mengucapkan “Selamat Tahun Baru” atau “Gong Xi Fa Cai”.



Membakar Mercun

Dalam kalangan rakyat Cina, ada peribahasa berkaitan “mercun dibakar ketika buka pintu” yang menggambarkan hal yang paling penting bagi setiap keluarga ketika membuka pintunya pada hari pertama tahun baharu, adalah membakar mercun. Bunyi mercun yang dibakar semasa menyambut ketibaan tahun baharu boleh memeriahkan suasana dan juga untuk berdoa agar memperoleh keuntungan. Oleh itulah, membakar mercun juga dilakukan semasa merayakan pesta yang penting lain, misalnya majlis perkahwinan, upacara membuka kedai baharu dan membina rumah. Mercun mula dibuat di China lebih 2,000 tahun yang lalu.





Yuan Xiao

Simbol Penyatuan Hati Sekeluarga

oleh: **Zhang Xian**

Yuan Xiao ialah sejenis juadah tradisional Cina berbentuk bebola yang diperbuat daripada tepung pulut, dan mempunyai inti manis. Yuan Xiao lazimnya dimakan semasa jamuan sekeluarga ketika menyambut Pesta Tanglung.

Bahan-bahan untuk membuat Yuan Xiao hanyalah tepung pulut, air secukupnya dan inti. Bebola ini kemudian akan direbus, sama seperti membuat kuih onde-onde di Malaysia.

Inti Yuan Xiao pelbagai, seperti haw, bijan, kuaci, coklat, kelapa parut dan lain-lain.

Cara-cara membuat Yuan Xiao yang berinti haw:

- (1) Hancurkan buah haw, walnut dan bijan untuk dijadikan inti.
- (2) Gaulkan ketiga-tiga bahan tersebut dengan manisan, bunga Osmanthus dan sedikit tepung.
- (3) Gentel adunan tersebut menjadi bebola kecil, kira-kira 6-8 gram setiap satu. Kemudian biarkan keras.
- (4) Sediakan tepung beras pulut dalam sebuah bekas besar.
- (5) Celupkan bebola kecil inti tersebut ke dalam air, kemudian golekkan ke dalam tepung beras pulut.
- (6) Ulang langkah (5) tadi kira-kira 4-5 kali sehingga semua inti bersalut tepung.
- (7) Akhir sekali, rebus bebola ini dalam air mendidih sehingga timbul menandakan ia masak.



wǒ xiǎng qù lán zhōu shuǐ shàng qīng zhēn sì , xiè xiè.
我想去兰州水上清真寺, 谢谢。
Saya nak pergi ke Masjid Shuishang, Lanzhou. Terima kasih.

dì zhǐ: lán zhōu shì jīn chéng guān lù.
地址: 兰州市金城关路。
Add: Jalan Jinchengguan, kota Lanzhou.

Masjid Shuishang Lanzhou

oleh: **Xu Guowei**

Bandar Lanzhou, ibu kota provinsi Gansu yang terletak dalam laluan penting Jalan Sutera Darat merupakan satu-satunya ibu kota yang direntasi Sungai Kuning di China. Bandar ini turut menjadi pusat agama Islam di China, kerana banyak penduduk etnik Hui, Bonan, Salak dan Dongxiang yang menganut agama Islam sejak turun-temurun tinggal di bandar ini. Terdapat banyak masjid yang besar di Lanzhou. Masjid Shuishang yang terletak di tebing utara Sungai Kuning merupakan salah sebuah masjid yang terkemuka.

Masjid Shuishang yang mengalami kerosakan teruk pada zaman dahulu selesai dibina semula sempena perayaan Tahun Baharu China tahun 2012. Masjid Shuishang yang terletak di Jalan Jinchengguan berhampiran dengan Taman Baitashan di sebelah utara. Masjid ini direka bentuk oleh arkitek yang terkenal yang juga mantan Datuk Bandar Lanzhou, Ren Zhenying. Masjid Shuishang dibina di sebuah tapak yang berbentuk kapal di atas Sungai Kuning. "Shuishang" dalam bahasa Mandarin bermakna "di atas air".

Bangunan dua tingkat ini mempunyai keluasan 488 meter persegi dan bercirikan seni bina Arab. Dinding ruang sembahyang dicat warna kuning dan hijau, serta lukisan bercorak kesenian dunia Timur. Lampu di bumbung kubah berbentuk anak bulan.

Umat Islam tempatan menyumbang derma untuk membina sebuah perpustakaan di masjid ini bagi meningkatkan taraf pendidikan penduduk Islam.

Masjid Shuishang yang terkenal telah menarik sejumlah besar pelancong Islam dari luar negara dan membolehkan mereka lebih memahami sejarah agama Islam di China.



Saya memang bercadang untuk ke China. Dengan adanya majalah Kembara Sutera ini, ia benar-benar memberikan saya panduan yang berguna untuk saya melancong ke sana. Saya selalu membaca majalah Kembara Sutera ini sambil-sambil berehat di rumah dan juga sebagai panduan untuk mengetahui produk-produk atau lokasi-lokasi menarik yang wujud di China. Syabas kepada anda kerana menerbitkan dan mengeluarkan majalah berkenaan negara China ini. Ia memang amat berbaloi untuk pelancong dan bakal pelancong yang ingin ke negara China!

Al Azilzul Yahya



Terima kasih kepada kumpulan KEMBARA SUTERA atas kejayaan menerbitkan majalah ini. Saya tidak pernah membaca majalah ini sehinggalah saya mengunjungi perpustakaan sekolah. Setelah membaca majalah ini, saya dapati input yang ada dalam majalah ini sangat membantu kami guru dan pelajar dalam meluaskan ilmu tentang sejarah, budaya dan tatacara hidup negara luar seperti negara China. Hasil pembacaan ini berjaya mencetus peluang kepada semua guru dan pelajar untuk menanam impian pergi melancong ke negara luar. Tahniah diucapkan kepada semua insan yang membantu menjayakan penerbitan majalah ini.

Norhazilah Ghazali

"Bulan Oktober merupakan pertengahan musim luruh di negara Tembok Besar China. Udara yang nyaman dan daun-daun bertukar warna sebelum gugur menyajikan pemandangan yang mengasyikan..." (petikan wacana Kembara Sutera Oktober 2012) Ternyata benar kata Awan, pengalaman pertama kali berkunjung ke Tanah Besar China begitu mengujakan saya.

Persediaan untuk ke Negara Tembok Besar China termasuklah membawa wacana Kembara Sutera. Saya sangat bertuah kerana rakan sekerja telah memberikan saya wacana tersebut beberapa hari sebelum saya berangkat. Banyak tip yang boleh dikongsikan dalam kembara saya bersama kawan-kawan di China khususnya tentang tempat-tempat menarik beserta budaya masyarakat di China. Sepanjang 5 hari kembara di Beijing, Wacana Kembara Sutera sentiasa bersama saya.

Beberapa tempat yang saya kunjungi termasuk Tembok Besar China, Summer Palace, Forbidden City dan tempat-tempat membeli belah yang terkenal di Beijing. Saya merasa saya bertuah dan seronok kerana dapat merasai sendiri pengalaman ke Beijing. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada sidang editor Kembara Sutera.

Deni Malina



Bersama-sama "Kembara Sutera"

Saudara pembaca yang dihormati, Aktiviti interaktif "Bersama-sama Kembara Sutera" telah selesai pada 30 November 2012. Aktiviti ini telah mendapat sambutan hangat daripada pembaca kami. Sidang editor majalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda dan anda dialu-alukan terus menyertai aktiviti interaktif Kembara Sutera seterusnya. Terima kasih!

Senarai 10 Orang Pemenang Hadiah Istimewa

1. Deni Malina Md Zain, Negeri Sembilan
2. Norhazilah Ghazali, Perak
3. Al Azilzul Yahya, Shah Alam
4. Aliah Abdul Rahim, Kuala Lumpur
5. Ghani Abu, Kuala Lumpur
6. Radzi Ruslan, Kuala Lumpur
7. Mohd. Mustapha bin Abdullah, Kuala Lumpur
8. Eddy Setiawan, Jakarta
9. Ira RiRi EsHa, Jawa Tengah
10. Firman Adi Saputra Asli, Sulawesi Selatan


Senarai 100 orang pemenang hadiah sagu hati, sila layari laman sesawang <http://malay.cri.cn>, atau www.facebook.com/crimalay.



↑ 10 orang pemenang hadiah istimewa akan mendapat hadiah berupa set sulaman sutera China.




↑ 100 orang pemenang sagu hati akan mendapat hadiah kemeja-T.



An Hui Huang Shan

安徽黄山



Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/crimalay